**From:** Jabatan Komunikasi Korporat
**To:** UUM - All Staff; UUM - All Students
**Subject:** TISSA-UUM LAKSANA SESI TEMU DUGA PENGAMBILAN PENSYARAH
**Date:** Tuesday, 1 September, 2026 11:19:56 AM
**Attachments:** image002.png
image003.png

Jabatan Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION DEPARTMENT
Universiti Utara Malaysia

UUM TODAY

UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA | THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY

1 SEPTEMBER 2026 / 19 RABIULAWAL 1448H
==========

Berita dan gambar oleh: Muhammad Muadz Madzlan

**TISSA-UUM LAKSANA SESI TEMU DUGA PENGAMBILAN PENSYARAH**



**UUM ONLINE:** Kuala Lumpur - Pusat Pengajian Perakaunan Tunku Puteri Intan Safinaz (TISSA), Universiti Utara Malaysia (UUM) telah melaksanakan sesi temu duga bagi pengambilan calon pensyarah untuk penempatan di UUM Kampus Sintok pada 28 hingga 29 Ogos lalu.

Sesi temu duga yang berlangsung di UUM Kampus Kuala Lumpur (UUMKL) ini adalah khusus bagi memenuhi keperluan tenaga akademik di TISSA-UUM, Sintok, Kedah.




Seramai tiga calon telah hadir bagi menjalani sesi temu duga tersebut di mana proses penilaian dikendalikan oleh dua panel temu duga, iaitu Dekan TISSA-UUM, Prof. Madya Dr. Raja Haslinda Raja Mohd. Ali dan Timbalan Dekan (Penyelidikan & Inovasi) TISSA-UUM, Prof. Madya Dr. Saliza Abdul Aziz.

Dr. Raja Haslinda berkata, pengambilan ini memberi tumpuan kepada calon yang mempunyai kelayakan dan kepakaran dalam bidang Perakaunan, Perakaunan Pengurusan, Sistem Maklumat Perakaunan, Percukaian, Pengauditan serta bidang berkaitan selaras dengan keperluan akademik TISSA-UUM.



Sesi temu duga ini mencerminkan komitmen TISSA-UUM dalam mendapatkan barisan akademik berkaliber dan berpengalaman bagi memperkukuh penyampaian pendidikan, penyelidikan dan pembangunan akademik di UUM Kampus Sintok.

Turut terlibat dalam membantu pengurusan dan kelancaran sesi temu duga ialah dua staf pentadbiran TISSA-UUM, Mohamad Anas Jaafar dan Muhammad Muadz Madzlan.

UUM OFFICIAL
uumtoday.com Universiti Utara Malaysia uumofficial uumnews uumtube uuminfo uumofficial
ukkuum@uum.edu.my 04-928 3039 | 3040 | 3043 | 3097 | 3056

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.